


ANM(T) 81/10/6/10 JLD.5(34)

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Ketua Polis Negara – Bahagian Kewangan
Pengaruh Jabatanarah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT)
Semua Ketua Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri
Semua Pengarah Negeri Dan Cawangan Jabatan Akauntan Negara
Semua Pusat Gaji



KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BILANGAN 2 TAHUN 2010**

**PERATURAN PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2010
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN DARI
GRED 1 HINGGA GRED 54.**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan menetapkan peraturan pembayaran Bantuan Khas Kewangan kepada semua Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang layak dari Gred 1 hingga Gred 54 yang berkhidmat pada Tahun 2010 dan dibaca bersama dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2010 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia bernombor rujukan JPA(BGE)223/5/4-3 yang berkuatkuasa mulai 26 Ogos 2010.

2. PENETAPAN TARIKH BAYARAN DAN AMAUN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2010

Kerajaan telah menetapkan supaya Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500.00 diberi kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang layak dari Gred 1 hingga Gred 54 dan hendaklah dibayar pada 1 September 2010.

3. PERATURAN PELAKSANAAN PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN

3.1 KAEDAH DAN TATACARA PEMBAYARAN

Bagi tujuan memastikan bayaran ini dapat dilaksanakan pada tarikh yang telah ditetapkan, Pejabat Perakaunan diminta menguruskan proses bayaran berpandukan sistem yang dibangunkan oleh JANM dengan mengambilkira perkara berikut :-

- (i) Pembayaran yang dibuat mestilah berdasarkan senarai Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan yang menerima bayaran gaji Bulan Ogos 2010 yang dibayar melalui Sistem Gaji Berkomputer (GFMAS) dengan pengecualian kepada Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan yang tidak layak berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2010.
- (ii) Pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2010 berjumlah RM500.00 hendaklah dibayar sepenuhnya kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang layak dan hendaklah dicajkan ke Kod Amanah Gaji 889908 di PTJ masing-masing.
- (iii) Bagi tujuan pelarasan, Kod Amanah ini hendaklah disifarkan melalui jurnal. Oleh itu, JANM Negeri dan Cawangan termasuk JMS hendaklah menyediakan jurnal pelarasan bagi pihak PTJ dibawah seliaannya sebelum penutupan akaun bulanan selewat-lewatnya **November 2010**. Bagi memudahkan JANM Negeri dan Cawangan termasuk JMS, JANM akan menyediakan satu laporan yang memaklumkan jumlah bayaran bagi setiap PTJ dibawah seliaannya.
- (iv) Sebagai bukti bahawa pembayaran telah dilaksanakan kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang layak dan ianya telah dikredit terus ke akaun individu masing-masing JANM Negeri dan Cawangan serta JMS hendaklah mencetak Slip Gaji khusus untuk bayaran ini sahaja.

3.2 CUKAI PENDAPATAN

Bantuan Khas Kewangan Tahun 2010 tidak dikira sebagai pendapatan bagi tujuan pengiraan cukai pendapatan setelah mengambil kira kebajikan Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dalam kumpulan ini terutama bagi meringankan beban kos persediaan musim perayaan.

3.3 POTONGAN CARUMAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)

Bantuan Khas Kewangan ini adalah tidak termasuk di bawah definisi "upah" sepertimana yang diperuntukan di bawah Seksyen 2, Akta KWSP 1991, sehubungan dengan itu ianya tidak perlu dicarumkan ke KWSP.

3.4 PEGAWAI YANG TIDAK TERSENARAI

Bagi pegawai yang layak tetapi tercicir pada bayaran yang telah dilakukan oleh JANM Negeri dan Cawangan sebagaimana di para 3.1 (i), PTJ berkenaan hendaklah menguruskan bayaran ini dengan mengambilkira kelayakan yang sepatutnya diterima sama ada melalui baucar berasingan atau mengisi Borang Perubahan Gaji (SG20) bulan berikutnya dengan menyertakan dokumen-dokumen sokongan yang sepatutnya. Bayaran ini hendaklah dicajkan ke vot masing-masing iaitu 15106 bagi kakitangan tetap dan 29306 bagi kakitangan yang lain.

3.5 PEMBAYARAN MELALUI BAUCAR BERASINGAN

Bagi Bantuan Khas Kewangan 2010 yang dibayar melalui baucar berasingan hendaklah disertakan Penyata Perubahan Gaji (Kew.8) dan lain-lain dokumen sokongan.

3.6 KOD URUSNIAGA

Kod urusanniaga yang perlu digunakan adalah seperti berikut:

<u>KOD SODO</u>	<u>KOD ELAUN</u>	<u>PERIHAL KOD SODO</u>
15106	1072	Pemberian Khas Bagi Yang Menyanggah Jawatan Tetap.

KOD SODO

29306

KOD ELAUN

1072

PERIHAL KOD SODO

Pemberian Khas.
Bayaran kepada Pegawai
Awam Persekutuan Yang
Tidak Menyandang Jawatan
Tetap dan Pekerja Sementara
Dan Sambilan Yang Tidak
Menyandang Jawatan-
Jawatan Tetap.

**4. PERUNTUKAN UNTUK MEMBAYAR BANTUAN KHAS KEWANGAN
TAHUN 2010.**

Kementerian / Jabatan hendaklah membayar Bantuan Khas Kewangan ini daripada peruntukan tahun semasa yang sedia ada. Sekiranya peruntukan ini tidak mencukupi, menjadi tanggungjawab Kementerian / Jabatan berkenaan untuk mengemukakan permohonan peruntukan tambahan kepada Perbendaharaan.

”BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

”Perakaunan Berintegriti Perkhidmatan Berkualiti”



DATO' MOHD SALLEH MAHMUD

Akauntan Negara Malaysia

30 Ogos 2010

s.k :

1. Ketua Audit Negara
2. Semua Akauntan/Bendahari Negeri
3. Ketua Eksekutif, LHDN
4. Pengurus Besar KWSP